



TETAP BERSEMANGAT

BANJIR yang melanda Perlis sejak kelmarin tidak mematahkan semangat murid-murid tahun enam di sekolah-sekolah yang terlibat dengan bencana itu menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) yang bermula hari ini.

Malah, ada daripada mereka mengambil keputusan dengan bermalam di sekolah yang menjadi pusat peperiksaan sebagai langkah berjaga-jaga, memandangkan keadaan banjir masih belum pulih sepenuhnya.

● **SEBAHAGIAN** daripada 36 murid tahun enam Sekolah Kebangsaan Padang Melangit, Padang Besar, Kangar, membawa pakaian sekolah dan kelengkapan peperiksaan UPSR untuk bermalam di sekolah itu, semalam. **[BERITA DI MUKA 5]** - UTUSAN/FAIZAL ABU HASSAN

Kerajaan negeri, rakyat perlu jadikan kejadian terbaru sebagai ujian - Raja Muda

Tingkat persediaan hadapi banjir

Oleh **ZAINU'L AZHAR ASH'ARI**

utusanperlis@utusan.com.my

PADANG BESAR 12 Sept. - Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail menyaranakan semua pihak menjadikan banjir yang melanda negeri ini sejak semalam sebagai ujian kepada rakyat dan kerajaan negeri serta agensi di bawahnya supaya lebih bersedia pada masa akan datang.

Sehubungan itu, titah baginda, pihak berkenaan akan dapat menyediakan Pelan Pengurusan Bencana yang lebih baik, selamat, sistematik dan efektif berdasarkan pengalaman masa lalu.

"Ia melibatkan pelbagai agensi, antaranya Majlis Keselamatan Negeri, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), pasukan keselamatan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan, Majlis Agama Islam Perlis dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," titah baginda.

Tuanku Faizuddin bertitah demikian ketika meninjau beberapa pusat pemindahan banjir serta ka-

wasan yang dilanda bencana itu di utara Perlis di sini, hari ini.

Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil serta puteri sulung baginda, Sharifah Khatreena Nuraniah.

Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid dan dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Mansor Jusoh.

Semalam, Perlis sekali lagi dilanda banjir termasuk Titi Tinggi Hilir dan Kampung Panggas Besar, melibatkan 40 keluarga yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir berhampiran.

Sementara itu titah baginda, walaupun bencana alam tidak boleh dielakkan, persiapan rapi dapat meminimumkan kadar korban dan kerosakan harta benda.

"Tindakan pasca banjir perlu dilaksanakan secara konsisten seperti merencanakan semula pelan pembangunan yang komprehensif dengan mengambil kira pelan penampungan banjir.

"Ini termasuk pelan sistem perparitan dan saliran yang lebih baik sebagaimana dikemukakan oleh kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan," titah baginda lagi.



TUANKU Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertanya khabar kepada mangsa banjir di pusat pemindahan di Padang Besar, semalam. Turut mengiringi Azizan Hamid (dua dari kanan) dan Mansor Jusoh (kanan).

UPSR tetap diteruskan



SEKOLAH Kebangsaan Tengku Budriah, Arau antara sekolah yang ditutup selepas banjir melanda negeri Perlis, semalam.



SEKOLAH Kebangsaan Arau turut dilanda banjir, semalam.

KANGAR 12 Sept. - Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) tetap diteruskan esok walaupun beberapa kawasan di negeri ini mula dilanda banjir.

Pengarah Pelajaran Negeri, Dun Kasa berkata, sehingga pagi ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk membatalkan peperiksaan tersebut.

“Sehingga kini keadaan banjir di pusat peperiksaan masih terkawal dan kita telah mengarahkan guru besar di sekolah terlibat mengadakan peperiksaan itu di tingkat satu atau kawasan yang lebih tinggi,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurut beliau, setakat pukul 8 pagi ini, dua sekolah yang juga menjadi pusat peperiksaan diberi cuti iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Tengku Budriah, Arau dan SK Padang Melangit, Abi.

Katanya, seramai 186 calon dari SK Tengku Budriah dan 36 calon dari SK Padang Melangit akan menduduki peperiksaan tersebut manakala jumlah keseluruhan calon di seluruh negeri ialah 4,594 orang.

“Pengawas peperiksaan juga sedang memantau dari semasa ke semasa keadaan banjir di pusat peperiksaan bagi membolehkan ia dijalankan dengan lancar,” katanya.

Beliau menegaskan keadaan sekarang terkawal namun ia masih di peringkat permulaan dan langkah berjaga-jaga diambil berikutan cuaca yang tidak menentu.

“Pihak jabatan juga membuka bilik gerakan dan menyediakan pasukan peronda untuk melawat sekolah terutama di kawasan berisiko tinggi dilanda banjir,” ujarnya.

Jabatan Bomba sedia hadapi banjir

MARANG 12 Sept. - Jabatan Bomba dan Penyelamat kini bersiap sedia dari segi anggota dan logistik bagi menghadapi kemungkinan banjir terutamanya di negeri-negeri di Pantai Timur.

Ketua Penolong Pengarahnya, Datuk Rusmani Muhamad berkata, jabatan itu mempersiapkan seramai 13,239 anggota di seluruh negara untuk yang sedia bertugas pada bila-bila masa.

“Ketika ini, jabatan telah di-

lengkapi dengan 430 bot di seluruh negara untuk menghadapi banjir yang sering berlaku terutamanya pada hujung tahun.

“Biarpun kita tidak dapat jangka keadaan banjir akan teruk ataupun tidak, namun kita tetap membuat persiapan rapi,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis tamat latihan di Akademi Jabatan Bomba dan Penyelamat, Wakaf Tapai di sini, semalam.

Sementara itu, beliau turut me-

nyeru semua warga bomba untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran berkaitan aktiviti kebombaan dan penyelamatan menerusi penubuhan skim faedah pinjaman percuma tabung kebajikan kakitangan.

“Kita mahu kakitangan bomba mendapat pendidikan terbaik sehingga memperoleh ijazah kerana kita mesti sentiasa berusaha memperbaiki diri sendiri untuk menjadi anggota bomba terbaik,” jelasnya.

Banjir makin buruk di Kangar, pulih di Padang Besar

KANGAR 12 Sept. - Keadaan banjir di Perlis yang dijangka pulih petang ini kembali buruk apabila 694 mangsa daripada 178 keluarga mula dipindahkan ke pusat pemindahan terutama di daerah ini sehingga pukul 8 malam ini.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Majlis Keselamatan Negera (MKN), walaupun keada-

an cuaca baik dan banyak pusat pemindahan di kawasan Padang Besar ditutup, banjir mula melanda daerah ini malam ini dengan sembilan pusat pemindahan dibuka di sini berbanding tiga pada pukul 5 petang.

Katanya, sebanyak 384 mangsa daripada 90 keluarga ditempatkan di pusat peminda-

dahan banjir di Kangar berbanding 54 mangsa daripada 16 keluarga petang ini.

Di Arau pula, sebanyak 272 mangsa daripada 77 keluarga ditempatkan di empat buah pusat pemindahan, manakala di Padang Besar sebanyak 38 mangsa daripada 11 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan Pusat Khidmat Mata Ayer.